

K I S A H

PEJUANG KANSER



“ANUGERAH-NYA MELIMPAH-RUAH”

“Puan nangislah puas-puas” Itulah kata-kata doktor ketika mengesahkan saya menghidap kanser payudara pada April 2018. Kata-kata itu menjadi halilintar menghunjam sukma. Saya amat malu. Hampir 70 tahun saya sihat. Dijentik sedikit, saya sudah kecewa? Mengapakah saya tidak menghargai anugerah-Nya? Saya nekad untuk berubah. Dulu saya penjaga pesakit kanser kepada arwah suami pada 2003, kini saya pula di uji kanser.



Mahaya memaklumkan kepada kesemua anaknya akan keadaan tersebut dan akan melalui proses pembedahan. Mahaya mengharapkan doa daripada anaknya untuk terus kuat. Pelbagai temujanji untuk urusan pekerjaan tetapi perlu ditangguhkan.

Beliau ditemani anak ketika menerima rawatan di hospital. Mahaya teruskan perjuangan untuk sembuh dari kanser.

Setahun kemudian, satu-satunya puteri beliau (Ainur) disahkan mengidap leukemia. Air mata seorang ibu berguyuran ke kalbu. Hanya berzikir dalam senyuman yang payah. Cabaran sebagai penjaga pesakit kanser bermula semula. Mahaya memberi semangat kepada Ainur, “Mak dan Ainur mengidap kanser. Semua yang hidup akan mati. Tapi, kita masih ada masa.

Kita berikhtiar dan berdoa. Moga-moga, kita meninggal dalam husnul khatimah.” Hospital menjadi rumah kedua Ainur, rawatan demi rawatan dilalui tanpa pernah culas. Semuanya

Alhamdulillah, rawatan ‘stem cell’ beliau pada akhir 2019 berjaya melalui budi kakandanya yang ketiga sangat disyukurnya. Hampir empat bulan, Ainur kembali ‘sihat dan ceria’ dan menjadi kehidupan seperti biasa.



MAHAYA MOHD YASSIN

“Mak dan Ainur mengidap kanser. Semua yang hidup akan mati. Tapi, kita masih ada masa”

“Cabaran sebagai penjaga pesakit kanser bermula semula”

“Hadapi kanser sebagai anugerah dengan reda, bersyukur dan sabar. Semuanya daripada Allah. Allah pilih kita kerana Kasih dan Kasihan-Nya”

“KanWork memberi saya peluang untuk bertemu rakan-rakan yang lain dan berkongsi pengalaman”

Bilangan 8 • Disember 2024



Namun kesihatan Ainur diuji sekali lagi, “Mak, doktor kata kesihatan Ainur merudum. Doktor tanya nak suntikan ubat khas tak? Ubatnya mahal. Jika tak mampu, ada NGO yang boleh iklankan untuk dapatkan derma.”

“Sayang, tolong maklumkan kepada doktor. Kita diberi rezeki. Mak tanggung semua kosnya, insya-Allah.”

Walaupun bagaimanapun, rawatan tersebut tidak berkesan sepenuhnya kepada Ainur, kanser sudah merebak ke seluruh tubuh. Ainur mula dipindahkan ke hospital lain untuk sesi rehabilitasi.

Genap dua tahun kami berikhtiar, Ainur dijemput kembali menurut janji-Nya yang pasti dengan tenang, di hadapan Mahaya.

MEMINDAHKAN TUMPUAN KEPADA PENULISAN

Sebagai seorang bekas pendidik, Mahaya teringat kepada Teori Terapi Kognitif iaitu fikiran dan nilai seseorang menentukan caranya melihat diri serta orang disekitarnya. Tidak dinafikan sebagai pejuang dan penjaga pesakit kanser yang sepi disergah dengan emosi negatif. Namun, beliau yakinkan diri kerana beliau suri teladan yang diharapkan oleh Ainur untuk meneguk kasih dan Allah telah mengilhamkan beliau untuk membantu memindahkan tumpuan dan perhatian Ainur kepada sesuatu yang kreatif, menenangkan dan menghiburkannya.

Beliau memujuk Ainur agar menyediakan ilustrasi buku saya menggunakan komputer. “Karya membuktikan kita pernah wujud. Nanti dah tiada, masyarakat masih dapat manfaatnya.” Subhanallah, buku Seri Menanti itulah satu-satunya karya kami berdua.



TERAPI

Detik-detik bersama-sama Ainur menumbuhkan

inspirasi dan ilham yang malar mekar. Saya mendambakan peluang untuk sekelumit berbicara mesra darihal kanser dalam kalangan pejuang, penjaga dan masyarakat umum. Mesej saya mudah. Kanser bukan untuk digeruni. Kanser mestilah difahami dengan rinci. Mencegah itu lebih berkesan daripada mengubati.



Hadapi kanser sebagai anugerah dengan reda, bersyukur dan sabar. Semuanya daripada Allah. Allah pilih kita kerana Kasih dan Kasihan-Nya.

KanWork memberi saya peluang untuk bertemu rakan-rakan yang lain dan berkongsi pengalaman sebagai survivor dan penjaga

pesakit kanser kepada suami dan anak. Kini, saya teruskan menulis dan

menjadi terapi untuk diri saya.